



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

04 Zulkaedah 1443 / 04 Jun 2022

- I. Semalam, Jumaat, 03 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 03 Jun 2022, sebanyak 16 dos pertama dan 71 dos kedua telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 81.8% dan 53.4% bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak 70.9%.

2. Hari ini, Sabtu, 04 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 04 Jun 2022, sebanyak **379 kes baru** telah dilaporkan iaitu 377 kes hasil ujian ART dan 2 kes adalah hasil dari 196 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **150,058** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

- Manakala 2 **kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **242 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **147,827 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **2,008 kes** iaitu 8 kes sedang dirawat di hospital manakala 2,000 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
3. Seterusnya, berikutan keadaan pada masa ini di mana situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah dalam keadaan yang terkawal serta dengan penurunan jumlah ujian RT-PCR SARS-CoV-2 dilakukan di Negara Brunei Darussalam disebabkan oleh peningkatan penggunaan *antigen rapid test (ART)* sebagai kaedah yang cepat dan mudah bagi mengesan kes, maka Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **Pusat Pengasingan Komuniti (CIC - Community Isolation Centre)** yang bertempat di Kem Latihan Program Perkhidmatan Belia Negara (PKBN), Temburong dan Brunei **Covid-19 Airlab, BRIDEX Jerudong (BCAL)** masing-masing akan ditutup secara rasmi bermula hari Isnin, **06 Jun 2022** dan pada hari Rabu, **15 Jun 2022**. Dalam pada itu, penganalisaan sampel bagi ujian RT-PCR SARS-COV-2 adalah diserapkan semula ke Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan, Kampong Sumbiling.
4. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melimpahkan rahmat dan hidayah Nya serta kita semua sentiasa

dikurniakan keampunan, kesihatan dan keberkatan dalam segala urusan.
Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

TAMAT

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 04 Zulkaedah 1443H / 04 Jun 2022